

17 JUL 2001

Mahathir-Perjanjian

PERJANJIAN LEBIH JELAS DENGAN PELAJAR, PENSYARAH -- KATA MAHATHIR

MELAKA, 17 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan merangka perjanjian secara lebih jelas dengan pelajar dan pensyarah universiti untuk memastikan kesungguhan mereka dalam memperolehi dan memberi ilmu agar mereka tidak membazirkan wang orang ramai.

"Kita dapati untuk mengambil tindakan disiplin adalah sangat sukar kerana syarat pengambilan mereka tidak begitu jelas.

"Kita akan mengadakan perjanjian yang sewajarnya dengan mereka dan kita sedang merangka perkara ini," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir menyatakan demikian pada persidangan berita selepas merasmikan Kolej Perubatan Melaka-Manipal (MMMM) di Batu Hampar, Bukit Baru di sini.

Beliau berkata selalunya kerajaan tidak dapat bertindak terhadap pelajar dan pensyarah yang sebenarnya tidak menunjukkan prestasi sebagaimana yang seharusnya.

Kerajaan membelanjakan berbilion ringgit untuk bidang pendidikan, kemudian mendapati banyak wang telah membazir "terutamanya oleh pelajar Melayu yang nampaknya tidak sekali-kali berminat untuk belajar."

"Ya, saya akui sesetengah daripada mereka adalah serius tetapi banyak daripada mereka yang tidak serius. Tidak ada sebab untuk mereka berada di universiti jika mereka hanya membazirkan masa dan wang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata perjanjian yang dicadangkan itu akan mempunyai mekanisme yang antara lain membolehkan kerajaan menentukan berapa kerap seseorang mahasiswa menghadiri syarahan dan menilai tahap prestasi yang boleh diterima dalam peperiksaan.

"Jika mereka gagal memenuhi tahap itu mereka akan diminta meninggalkan universiti kerana kita tidak mampu menanggung mereka," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata para pelajar hendaklah benar-benar bersedia untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran masa akan datang.

Dr Mahathir juga menegur sesetengah pensyarah yang tidak begitu berminat dalam mengajar tetapi lebih menumpukan usaha kepada penyebaran pendapat politik mereka.

"Kita tidak mampu membayar kepada mereka semata-mata untuk mereka menyebarkan pendapat politik (antikerajaan) mereka," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya Dr Mahathir berkata sesetengah pelajar dan pensyarah tidak berpuas hati dengan kerajaan kerana mereka rasa mereka patut diberikan lebih kebebasan di universiti.

"Mereka boleh mendapat kebebasan mereka di luar universiti," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan serius dalam usahanya memberi kemudahan kepada rakyat untuk mendapat pendidikan tinggi.

"Kita sekarang mempunyai lebih daripada 600 institusi swasta dan 14 universiti awam," kata beliau.

-- BERNAMA

APG NO RYN NMO